



# APLIKASI SUNNAH TERHADAP GARIS PANDUAN HUKUMAN ROTAN DI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

(The Application of Sunnah in the Ministry of Education's School Corporal Punishment Guidelines in Malaysia)

Siti Amalina Ahmad Khairundin<sup>1</sup>, Mumtazah Narowi<sup>2</sup>, Noor Fadhzana Mohd Noor<sup>3</sup>, Hafiza Ab Hamid<sup>4</sup>

<sup>1,2,4</sup>Pusat Pengajian Asasi dan Umum, Universiti Selangor

<sup>3</sup>Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial, Universiti Selangor  
amalina@unisel.edu.my

## Abstract

*There is a significant number of Hadith and Sunnah of the Prophet s.a.w in regard to the importance of education with additional examples set by the Prophet s.a.w himself. Among the scope of education emphasized by the Prophet s.a.w is early childhood education. Islamic scholars are of the opinion that corporal punishment or caning is the last resort in educating children. However, corporal punishment at schools has been polemical, where strong arguments have been made on the premises that the punishment is humiliating, stringent, inhumane and abusive. Thus, the objective of this study is to examine the application of Sunnah of the Prophet s.a.w in the Ministry of Education's (MOE) school corporal punishment guidelines in Malaysia. This qualitative study examined the data collected from classical fiqh texts (primarily hadith) concerning corporal punishment or caning as well as data from various MOE school corporal guidelines, e.g. MOE circulars on student offences and caning. Content analysis was employed as both data collection and data analysis methods. A generic and inductive qualitative approach was used to fulfill the objectives of this study. This study discovered that corporal punishment is strongly recognized by the nas. Nonetheless, the punishment is not only restricted to caning. In fact, the findings demonstrate that in the nas, the punishment was described as a means to educate, instead of merely to punish. Despite the recognition of corporal punishment as a means to educate, the findings show that there was no evidence to support that the Prophet s.a.w has executed such punishment on his children and wives, in the context of education. On the other hand, analysis of the MOE's guidelines revealed that corporal punishment is recognized as a means of education. However, the data shows that MOE's guidelines are not fully consistent with the nas, i.e Sunnah of the Prophet s.a.w on corporal punishment as a means of education. Thus, it is strongly recommended that some improvements need to be made to ensure that the objective of corporal punishment is in line with the Sunnah, i.e. for the punishment to be applied as a means of education instead of solely a means of punishment.*

**Kata Kunci:** *educational sunnah, caning, Ministry of Education*

## Article Progress

Received: 15 Feb 2021  
Revised: 21 April 2021  
Accepted: 10 May 2021

\*Corresponding Author:  
Siti Amalina Ahmad  
Khairundin, Pusat Pengajian  
Asasi dan Umum, Universiti  
Selangor Email:  
amalina@unisel.edu.my

## PENDAHULUAN

Islam menekankan proses pendidikan berterusan yang seharusnya bermula semenjak awal lagi. Apabila menyebutkan tentang pendidikan, perkataan Rabb al-‘Alamin sudah bermaksud Allah sebagai Pendidik Alam Semesta (Siti Atiyah 2019). Siri pendidikan ini seharusnya bermula seawal peringkat kanak-kanak iaitu penerapan pendidikan oleh ibu bapa di rumah dan bukan semata-mata tanggungjawab mendidik oleh guru-guru di sekolah. Sekolah adalah sebuah institusi pendidikan yang menyediakan tempat untuk mendidik dan menyampaikan ilmu pengetahuan kepada pelajar (Nur ‘Izzati 2020). Masalah disiplin yang berlaku di sekolah sering menjadi isu berbangkit hingga kini. Pelbagai hukuman atau kaedah menangani isu disiplin telah dilaksanakan sama ada denda, rotan dan sebagainya.

Hukuman merotan pelajar menjadi perkara yang amat dititikberatkan oleh pelbagai pihak terutamanya Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), pihak guru, dan ibu bapa. Menurut pandangan Chia (2009) dalam Nur ‘Izzati (2020) hukuman merotan merujuk kepada denda yang dilaksanakan di sekolah-sekolah, iaitu menyebat pelajar-pelajar yang melanggar peraturan sekolah. Namun begitu, keberkesanan merotan pelajar dalam mengawal disiplin pelajar juga sering dipertikaikan. Pihak antarabangsa mengklasifikasikan hukuman rotan sebagai tidak berperikemanusiaan dan satu tindakan yang kejam. Artikel 37 Konvensyen Hak Kanak-kanak (UNCRC) menyatakan bahawa, sebatan dengan rotan ringan adalah termasuk dalam kategori tidak berperikemanusiaan, hukuman yang keras, dan hukuman yang menjatuhkan maruah (UNICEF UK t.th).

Walau bagaimanapun, amalan masyarakat barat ini didapati bercanggah dengan nilai-nilai ketimuran masyarakat Malaysia yang dapat dilihat melalui kenyataan yang dikeluarkan oleh Laporan Hak Asasi Manusia 2010. Laporan ini dengan jelas memperlihatkan pelaksanaan hukuman rotan bagi kanak-kanak lelaki berusia 10 tahun dan ke atas adalah bersifat “rotan ringan” (SUHAKAM 2011). Pelaksanaan hukuman ini juga hanya dikenakan terhadap kanak-kanak lelaki dan tidak kepada kanak-kanak perempuan.

Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Kerajaan (1979) juga telah memperakukan hukuman ini di mana dalam Perakuan 76 Jawatankuasa tersebut menjelaskan;

“Hukuman dera kepada murid-murid seperti merotan hendaklah dikekalkan. Guru Besar dan guru-guru lain yang tertentu diberi kuasa untuk merotan. Di samping itu guru-guru tersebut hendaklah diberi garis-garis panduan dalam menggunakan hukuman dera serta cara dan bila hukuman itu boleh dikenakan.” (SUHAKAM 2009)

Kesalahan disiplin di institusi pendidikan di Malaysia sebahagian besarnya adalah berkaitan dengan kesalahan takzir menurut hukum Islam. Ia tertakluk kepada peruntukan hukuman yang ditentukan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dan dilaksanakan berdasarkan budi bicara pihak berkuasa di sekolah. Dalam konteks hukuman yang melibatkan disiplin pelajar dan berlandaskan kepada pengaplikasian hukuman takzir dalam Islam, guru dan lembaga disiplin sekolah boleh bertindak sebagai qadi dan hakim dalam menentukan hukuman terhadap pelajar yang melakukan kesalahan disiplin (Muslihah 2016).

Justeru, kajian kualitatif yang memfokuskan kepada pendapat-pendapat sarjana fiqh serta dokumen yang dikeluarkan oleh KPM dianalisis bagi melihat keselarisan di antara amalan rotan sunnah serta garis panduan KPM.

## **ROTAN MENURUT SUNNAH RASULULLAH SAW**

### **Merotan dalam Konteks Pendidikan Anak oleh Ibu Bapa**

Dalam aspek pendidikan, kaedah rotan adalah dibenarkan. Hukuman rotan boleh dilaksanakan atas dasar untuk mendidik dan merupakan pilihan terakhir. Perkara ini dapat dilihat menerusi sabda Rasulullah saw yang dilaporkan oleh Sabrah bin Ma’bad al-Juhani:

مروا أولادكم بالصلاة وهم أبناء سبع سنين، واضربوهم عليها وهم أبناء عشر، وفرقوا بينهم في المضاجع

Maksud hadis: Perintahlah anak-anakmu solat ketika berusia 7 tahun, dan pukullah mereka ketika berusia 10 tahun serta pisahkanlah tempat tidur mereka. (Abu Daud, Sunan Abi Daud, Kitab al-solat, Bab mata yu’ammiru al-ghulam bi al-solat)

Kaedah merotan ini tidak boleh dilaksanakan pada kali pertama anak melakukan kesalahan. Setiap kesalahan itu haruslah terlebih dahulu dijelaskan kedudukannya. Kemudian, penekanan kepada tindakan atau tingkah laku yang betul perlu diberikan. Peluang untuk memperbaiki kesalahan juga perlu

diberi. Tempoh tiga tahun seperti mana yang disebutkan dalam hadis di atas adalah sebagai tempoh tarbiyyah atau tempoh mendidik bagi ibadat solat, yang juga boleh dijadikan pendekatan dalam metod pendidikan yang lain ('Ulwan 1992).

Selain itu, konsep tadarruj iaitu mendidik secara berperingkat-peringkat juga dapat diekstrak daripada pemahaman hadis ini. Anak-anak perlulah diajari dan disuruh untuk mengerjakan solat bermula umur tujuh tahun. Perkataan *مروا* yang menunjukkan *fi'il amr lil istimrar* iaitu perkataan suruhan yang berterusan menunjukkan bermula umur anak tujuh tahun, ibu bapa perlulah mengajari dan menyuruh anak untuk bersolat secara konsisten dan berterusan. Namun, apabila anak tersebut mencapai umur 10 tahun, antara kaedah pendidikan yang dibenarkan adalah kaedah merotan. Dalam kata lain, sekiranya sehingga umur tersebut anak tidak mengerjakan solat secara sengaja, maka kaedah merotan boleh dijalankan ('Ulwan 1992).

Dapat disimpulkan dari hadis dan ulasan di atas, kaedah merotan terhadap anak adalah diiktiraf. Namun begitu, perlu difahami bahawa kaedah rotan yang digariskan dalam hadis ini adalah tidak termasuk dalam skop merotan sebagai hukuman. Disebabkan pendidikan berkaitan kewajipan menunaikan ibadat solat terhadap anak-anak adalah suatu proses yang berterusan, iaitu anak-anak perlu dididik untuk menunaikan ibadat solat sehingga mereka baligh/dewasa, maka kaedah merotan adalah menjadi sebahagian mekanisme pendidikan, bukan hukuman. Terdapat dua justifikasi yang boleh dikemukakan kepada perkara ini iaitu, 1) mendidik anak untuk menunaikan solat adalah proses pendidikan berterusan dan, 2) kaedah merotan yang dijalankan tidak menghilangkan kewajipan anak untuk menunaikan solat. Bagi justifikasi pertama, ayat 39-41 dalam Surah Ibrahim boleh dirujuk. Tindakan Nabi Ibrahim AS yang mendoakan anak-anaknya, walaupun anak-anaknya telah mencapai umur dewasa (*al-kibr*), menjelaskan kewajipan atau rasa kebertanggungjawapan seorang bapa untuk memastikan anak-anaknya menunaikan ibadat solat (Ibn Kathir 2012). Dalam doa tersebut, Nabi Ibrahim a.s. berdoa untuk anak-anaknya terus kekal menjadi anak-anak yang mendirikan solat sebagaimana Nabi Ibrahim a.s. sendiri (Ibn Kathir 2012). Bagi justifikasi kedua, perlu dibezakan kaedah merotan sebagai mekanisme pendidikan dan kaedah merotan sebagai hukuman. Di sini, kaedah merotan yang dijalankan pada masa yang sama, proses pendidikan terus berlaku perlu dibezakan dengan kaedah merotan bagi menghukum seorang pesalah, dalam keadaan tiada lagi proses pendidikan yang berlaku.

## MEROTAN DALAM KONTEKS PENDIDIKAN ISTERI OLEH SUAMI

Pelaksanaan rotan yang bertujuan untuk mendidik juga dapat dilihat menerusi hadis yang dilaporkan oleh Jabir r.a:

فإن فعلمن فاضربوهن ضربا غير مبرح

Maksud hadis: Sekiranya mereka melakukannya, maka kamu boleh mendidik mereka (wanitawanita itu) dengan pukulan yang tidak membahayakan. (Abu Daud, Sunan Abi Daud, Kitab al-manasik, Bab sifat hajjat al-Nabi)

Menurut hadis ini, kaedah memukul adalah dibenarkan ke atas isteri bagi tujuan pendidikan. Ini adalah berkesinambungan dari pensyari'atan kaedah mendidik isteri yang *nusyuz*<sup>1</sup> dalam ayat al-Nisa': 34, iaitu selepas dinasihatkan (*al-wa'zu*), diasingkan tempat tidur (*al-hajru fi al-madhaji*). Dapat dilihat kaedah ini sebagai satu mekanisme pendidikan kerana seorang suami hanya boleh memukul bila mana kaedah *al-wa'zu dan al-hajru fi al-madhaji* tidak memberi kesan kepada pembentukan akhlak isteri. Selain itu, disifatkan memukul ini sebagai satu mekanisme pendidikan kerana pilihan tersebut

<sup>1</sup> Nusyuz ini disifatkan sebagai 'kegagalan untuk mengikuti kehendak suami atau membenci suami' (Ibn Kathir, 2012). Nusyuz secara literal juga difahami sebagai satu keadaan apabila seorang isteri mengingkari suaminya dan membencinya. Secara terminologi, nusyuz ini merujuk kepada keadaan kebencian suami atau isteri terhadap yang lain (suami atau isterinya) yang menyebabkan mereka tidak dapat menjalankan tanggungjawab/ memberi hak sebagaimana yang ditetapkan oleh Allah. (Qarwt, 1995)

disyariatkan apabila suami mendapati terdapatnya indikator-indikator nusyuz isterinya (Qarwt 1995)<sup>2</sup>. Ini menunjukkan bahawa mekanisme-mekanisme pendidikan terhadap isteri tersebut adalah kepada isteri yang masih belum nusyuz dalam konteks hilang pegangan suami terhadap isteri (*tamkin*). Apabila sudah sampai kepada tahap nusyuz, proses pendidikan suami terhadap isteri adalah sukar untuk dilakukan. Justeru, adalah lebih rasional untuk melihat kaedah memukul itu sebagai satu mekanisme pendidikan. Ini dikuatkan dengan hadis yang menyokong kaedah memukul itu yang perlu dilakukan dalam keadaan yang tidak mencederakan dan tidak meninggalkan kesan. Pukulan seharusnya tidak menyakitkan kerana tujuan pelaksanaan rotan tersebut adalah untuk memberi pengajaran yang boleh menakutkan (al-Zahedy 2014) agar kesalahan tersebut tidak dilakukan atau diulang<sup>3</sup>.

Penelitian daripada nas, hadis dan ulasan ini, didapati bahawa kaedah memukul dalam konteks pendidikan isteri kepada suami adalah diiktiraf. Namun, kaedah memukul yang dimaksudkan dari nas-nas di atas adalah tidak semestinya kaedah merotan. Mengikut pendapat fuqaha' berkenaan kaedah memukul ini adalah, ia boleh dilaksanakan dengan menggunakan "*durrah*" (rotan)<sup>4</sup>. Namun, terdapat sebahagian besar yang lain yang berpendapat bahawa kaedah memukul itu memadai dengan memukul dengan kayu siwak, tapak tangan, dan tapak tangan yang direnggangkan. Larangan keras juga disebut berkenaan memukul isteri dalam tujuan mendidik menggunakan batang kayu/dahan kayu dan cemeti (Al-Zahedy 2014). Ini sekali lagi menjelaskan bahawa kaedah merotan sebagai dalam konteks pendidikan suami terhadap isteri adalah merupakan satu mekanisme pendidikan dan bukan hukuman.

## MEROTAN DALAM KONTEKS HUKUMAN BAGI JENYAH

Aspek pelaksanaan kaedah merotan dari konteks hukuman, iaitu terhadap penjenayah yang telah disabitkan pula adalah berbeza. Perbezaan didapati dari kesan kaedah merotan yang dijalankan, iaitu menghasilkan kesakitan. Namun, masih terdapat panduan pelaksanaan kaedah merotan sebagaimana yang dapat diteladani menerusi hadis yang diriwayatkan Abi 'Uthman al-Nahdi:

أُتِيَ عُمَرُ بْنُ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ بِرَجُلٍ فِي حَدِّ فَأُتِيَ بِسَوْطٍ فِيهِ شِدَّةٌ فَقَالَ: أُرِيدُ أَلْيَنَ مِنْ هَذَا، فَأُتِيَ بِسَوْطٍ فِيهِ لَيِّنٌ، فَقَالَ: أُرِيدُ أَشَدَّ مِنْ هَذَا، فَأُتِيَ بِسَوْطٍ بَيْنَ السَّوْطَيْنِ فَقَالَ: اضْرِبْ وَلَا يُرَى إِبْطُكَ، وَ أَعْطِ كُلَّ عَضْوِحَةٍ.

Maksud hadis: Telah datang seorang tukang sebat kepada Umar al-Khattab r.a. Didatangkan kepada Umar rotan (cemeti) yang keras. Umar berkata: Aku menghendaki rotan yang lembut daripada ini. Maka didatangkan dengan rotan yang lembut. Umar berkata: Aku menghendaki rotan yang lebih keras daripada ini. Maka didatangkan rotan yang tidak terlalu lembut atau keras. Umar berpesan: Rotanlah dan jangan diangkat tanganmu sehingga menampakkan ketiakmu. Berikanlah setiap anggota haknya. (al-Shami, Zawa'id al-Sunan al-Kubra li al-Baihaqi ala al-Kutub al-Sittah, Kitab al-hudud, Bab ma ja'a fi sifat al-saut wa sifat al-darb )

Hadis di atas menunjukkan bahawasanya, Umar al-Khattab RA pernah mengarahkan pelaksana hukuman rotan bagi kesalahan meminum arak (khamr) supaya menggunakan alat yang bersifat sederhana. Tidak terlalu keras mahupun lembut serta rotan yang dikenakan kepada pesalah mestilah tidak menampakkan ketiak semasa melaksanakannya. Di penghujung hadis, Umar al-Khattab RA menyatakan bahawasanya, rotan dibenarkan pada semua bahagian anggota pesalah melainkan muka dan badan.

<sup>2</sup> Disebutkan di sini adalah petanda-petanda keingkaran isterinya, seperti sebelum ini apabila pulang suami ke rumah, isterinya menyambut suaminya dengan layanan tidak baik, sedangkan sebelum itu isterinya menyambut dengan baik. Oleh itu, adalah menjadi kewajipan kepada suami untuk mendidik isterinya secara tadarruj.

<sup>3</sup> Ini dikuatkan dengan syarat pelaksanaan kaedah memukul oleh suami adalah dengan keyakinan bahawa pukulan itu boleh menyebabkan isterinya berubah atau kembali mentaatinya

<sup>4</sup> Setelah memenuhi syarat-syarat tertentu. Rujuk (Al-Zahedy, 2014; Qarwt, 1995)

Terselindung di sebalik garis panduan syarak ialah, untuk membuahkan kesaksamaan di kalangan pesalah serta masalah dalam kalangan masyarakat ('Audah 1998). Sepertimana hadis yang dilaporkan oleh Anas r.a:

جلد النبي صلى الله عليه و سلم في الخمر بالجريد و النعال

Maksud hadis: Nabi SAW telah memukul peminum arak (minuman yang memabukkan) dengan cemeti dan sepatu (al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, Kitab al-hudud, Bab al-darbi bi al-jarid wa al-ni'al).

Para fuqaha' tidak menspesifikasi alat yang digunakan dalam kes-kes hudud dan takzir. Walau bagaimanapun, penjelasan kesan sebatan yang tidak mendatangkan kecederaan seperti mana yang boleh diambil pengajaran daripada hadis sebelum ini boleh digunapakai untuk menentukan jenis alat yang boleh digunakan semasa pelaksanaan hukuman. Ini bermaksud, cemeti atau rotan atau sebarang alat yang digunakan pada masa kini adalah dibenarkan selagi matlamat sebenar hukuman boleh dicapai.

### ROTAN MENURUT KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)

Disiplin merupakan suatu perkara yang amat dititiberatkan dalam membentuk sahsiah diri pelajar. Hukuman yang dikenakan kepada pelajar atas masalah disiplin, dipantau oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dengan mengeluarkan pekeliling yang sejajar dengan konteks undang-undang. Hukuman rotan merupakan suatu hukuman yang dikategorikan sebagai hukuman dera atau corporal punishment (Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/1972). Ia merupakan langkah terakhir dalam menyelesaikan masalah disiplin yang dikenakan kepada pelajar setelah tindakan lain telah diambil seperti nasihat dan kaunseling (Siti Amalina, Shahidra & Mumtazah 2019).

Hukuman rotan yang dilaksanakan di sekolah bukanlah suatu perkara yang baharu bagi masyarakat umum di Malaysia. Malahan hukuman ini juga telah diperkenalkan dalam sistem pendidikan di Malaysia pada awal tahun 1960-an lagi melalui Peraturan-Peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah) 1959 (PPPDS 1959). Peraturan-peraturan yang telah ditetapkan itu adalah tertakluk di bawah Ordinan Pelajaran 1957. Objektif kepada pelaksanaan hukuman rotan kepada pelajar adalah diperuntukkan dalam PPDS 1959, dalam perkara 4 dan 5:

*“Guru Besar sesebuah sekolah adalah bertanggungjawab atas disiplin sekolah dan bagi maksud itu hendaklah mempunyai kuasa ke atas Guru-Guru dan murid-murid sekolah itu.”*

*“(1) Bagi maksud menjaga disiplin di kalangan murid-murid, Guru Besar hendaklah mempunyai kuasa menjalankan hukuman-hukuman sekolah yang biasa sebagaimana perlu atau bermanfaat:*

*Dengan syarat bahawa –*

- (a) hukuman dera kepada murid-murid perempuan adalah dilarang: dan*
- (b) hukuman dera kepada murid-murid lelaki oleh seseorang Guru atau lain-lain kakitangan sekolah adalah dihadkan kepada merotan dengan rotan yang ringan di tapak tangan ataupun di punggung yang berlapis dengan pakaian dan hendaklah dijalankan hanya oleh Guru Besar ataupun dengan kuasa nyata yang diberi olehnya dalam hal yang tertentu”*

Objektif hukuman rotan ini juga dikuatkan dengan peruntukan dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/2003 (SPI 7/2003)

*” Dalam melaksanakan hukuman rotan, pengetua atau guru besar dan guru-guru yang diberikan kuasa hendaklah sentiasa menyedari bahawa merotan adalah sebahagian daripada proses pendidikan. Tindakan yang dikenakan mestilah difahami sebagai alat untuk mendisiplinkan dan bukan sebagai alat yang akan merosakkan fizikal dan mental murid. Guru-guru yang merotan murid bukan berdasarkan rasa marah dan dendam tetapi untuk*

*memberi pengajaran bahawa setiap kesalahan ada hukumannya. Dalam konteks sekolah, merotan hanya sebagai sebahagian daripada proses mendidik terutamanya kepada mereka yang tidak berdisiplin.”*

Oleh itu, dapat difahami bahawa hukuman rotan, adalah bersifat menghukum kerana diklasifikasikan sebagai hukuman dera. Namun begitu, hukuman yang dilaksanakan di sekolah bukanlah bertujuan untuk menyeksa pelajar, tetapi lebih kepada untuk mendidik dan mendisiplinkan mereka supaya mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Ini ditunjukkan dalam SPI 7/2003, yang memberi penegasan bahawa hukuman rotan adalah sebahagian daripada mekanisme pendidikan yang dijalankan oleh guru di sekolah.

Dalam melaksanakan hukuman rotan, terdapat beberapa panduan yang diberikan. Menurut PPDS 1959 juga, guru yang diberi kuasa merotan perlulah memahami dengan jelas polisi dan prosedur sebelum mengenakan hukuman tersebut. Pihak KPM juga turut mengingatkan para pengetua, guru besar dan guru-guru berkaitan pelaksanaan hukuman bagi masalah disiplin pelajar melalui Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 7/1995 (SPI 7/1995). Pekeliling ini turut menyentuh tentang hukuman rotan dan serta panduan untuk melaksanakan hukuman bagi masalah disiplin pelajar iaitu Perkara 5:

5.1 Elak dan hindarkan diri daripada nafsu marah dan membuat kesimpulan terburu-buru tanpa penyelidikan terlebih dahulu.

5.2 Hukuman yang pada hemat orang ramai tidak sesuai seperti berbentuk penyeksaan, cacian di khalayak ramai yang memberi kesan emosi atau lain-lain hukuman liar serta tidak berperikemanusiaan hendaklah dielakkan.

Menurut pekeling dan peraturan sekolah KPM, kesalahan disiplin pelajar telah dikategorikan kepada tiga jenis kesalahan iaitu kesalahan berat, kesalahan sederhana dan kesalahan ringan. Kesalahan berat merupakan suatu kesalahan yang boleh dikenakan hukuman rotan seperti kesalahan buli, mencabul kehormatan, merosakkan harta benda sekolah dan dan lain-lain kesalahan yang dinyatakan dalam SPI 7/2003. Dari aspek pelaksanaan hukuman, hanya rotan yang ringan sahaja boleh digunakan dengan maksima tiga kali sebatan sahaja. Rotan hanya dibenarkan di bahagian punggung sahaja yang dilapik dengan pakaian (SPI 7/2003). Surat Pekeliling ini juga menegaskan bahawa dalam melaksanakan hukuman rotan, pihak yang diberi kuasa sama ada pengetua, guru besar atau guru-guru hendaklah melaksanakan hukuman rotan tersebut bertujuan sebagai suatu proses pendidikan dan mendisiplinkan pelajar bukan berdasarkan rasa marah dan dendam. Hal demikian akan memberikan gambaran yang buruk terhadap hukuman rotan sekiranya tidak dilaksanakan dengan betul.

Hukuman rotan yang dilaksanakan dengan mengikut peraturan-peraturan ini adalah penting dalam memastikan penerimaannya oleh masyarakat terutama ibu bapa. Menurut Nordiana (2017), ibu bapa beranggapan hukuman rotan ini wajar dilaksanakan kepada pelajar terutama setelah peringatan dan amaran diberikan. Ibu bapa juga berpendapat bahawa sekiranya hukuman rotan ini mengikut prosedur yang telah ditetapkan, ia akan memberikan kesan yang lebih baik dalam menangani masalah disiplin pelajar. Pada tahun 2016 juga, pihak KPM pernah mendedahkan sebanyak 402 sekolah menengah dan rendah dalam perhatian mereka kerana mengalami isu disiplin yang perlu diberi perhatian serius. Antara isu disiplin utama adalah melibatkan kesalahan ponteng sekolah dan buli. Tindakan mengenakan hukuman rotan adalah wajar bagi kesalahan tersebut (Mohamad 2017). Namun begitu, keadah-kaedah spesifik berkenaan pelaksanaan hukuman rotan tidak diberikan dalam peraturan-peraturan oleh KPM. Hanya dimaklumkan berkenaan prinsip umum perlaksanaannya, iaitu:

*“Hukuman dera kepada murid-murid lelaki oleh seseorang guru atau lain-lain kakitangan sekolah adalah dihadkan kepada merotan dengan rotan yang ringan di tapak tangan atau pun di punggung yang berlapik dengan pakaian.. Hukuman yang dikenakan hendaklah direkodkan dengan menyatakan jenis salah laku, bilangan sebatan, bahagian anggota yang dirotan, nama dan tandatangan perotan dan saksi semasa hukuman rotan dilaksanakan... “Tindakan yang dikenakan mestilah difahami sebagai alat untuk mendisiplinkan dan bukan sebagai alat yang akan merosakkan fizikal dan mental murid. Guru-guru yang merotan murid bukan berdasarkan rasa marah dan dendam tetapi untuk memberi*

*pengajaran bahawa setiap kesalahan ada hukumannya. .. Hukuman rotan di khalayak sama ada di perhimpunan atau di bilik-bilik yang sedang berlangsung proses pengajaran dan pembelajaran adalah dilarang”.*

Prinsip umum ini hanya menggariskan beberapa perkara iaitu:

- 1) Pelajar lelaki,
- 2) Rotan ringan di tapak tangan/di punggung yang berlapis,
- 3) Rekod hukuman rotan disimpan
- 4) Tidak dilaksanakan dalam keadaan marah/dendam
- 5) Tidak boleh dijalankan di khalayak ramai/bilik-bilik di mana PdP sedang berjalan

Menurut Siti Amalina & Wan Yusnee (2017), matlamat hukuman rotan di sekolah menurut Kementerian Pendidikan adalah selari dengan kehendak syarak. Pihak Kementerian Pendidikan juga turut memberikan peringatan yang berulang kepada pihak pengetua, guru besar dan guru-guru terutama dalam melaksanakan hukuman rotan supaya hukuman itu dilaksanakan mengikut prosedur dan bukan dengan perasan marah dan dendam. Justeru, pelaksanaan hukuman rotan di sekolah masih wajar dilaksanakan terutama bagi kesalahan disiplin yang berat dan berulang setelah pelajar melalui beberapa sesi kaunseling dan peringatan yang diberikan oleh pihak sekolah

#### **APLIKASI SUNNAH DALAM GARIS PANDUAN HUKUMAN ROTAN DI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)**

Analisa dari kedua-dua konteks berkenaan hukuman rotan, dalam nas (kaedah memukul) dan dalam peraturan-peraturan yang dikeluarkan oleh KPM didapati terdapat beberapa dapatan yang signifikan. Dalam konteks fiqh, terdapat nas yang kuat yang mengiktiraf kaedah memukul tersebut. Namun, kaedah memukul tersebut adalah tidak dihadkan kepada kaedah merotan. Kaedah memukul tersebut juga dideskripsikan sebagai satu mekanisme pendidikan berbanding hukuman. Signifikannya di sini adalah, apabila kaedah memukul tersebut dijalankan sebagai satu mekanisme pendidikan maka proses pendidikan itu terus berjalan. Dalam kata lain, apabila seorang anak atau isteri dipukul, pukulan tersebut perlu dijustifikasikan oleh bapa atau suami. Justifikasi yang dibuat ini membolehkan anak atau isteri belajar dari kesalahan yang telah dilakukan. Ini membuatkan mereka menjadi lebih baik dan pengulangan kesalahan dapat dielakkan.

Walaupun kaedah memukul diiktiraf, tidak terdapat nas jelas yang menunjukkan bahawa Rasulullah SAW pernah memukul anak dan isterinya (dalam konteks pendidikan anak dan isteri). Ini jelas menyokong pendapat sesetengah fuqaha' yang mengatakan bahawa kaedah memukul adalah satu kaedah yang dibenarkan namun tidak digalakkan dalam pendidikan. Skop memukul yang disebutkan dalam nas-nas tersebut pula hanyalah menjurus kepada pematuhan kepada hak-hak dalam agama. Bagi pendidikan anak, kaedah memukul adalah dibenarkan hanya bila mana anak tersebut telah mencapai umur 10 tahun dan enggan untuk menunaikan ibadat solat fardhu. Begitu juga dengan isteri, kaedah memukul dibenarkan hanya apabila kelihatan indikator-indikator nusyuz oleh isteri. Ini menunjukkan bahawa kaedah memukul yang terdapat nas, bagi tujuan pendidikan hanyalah menjurus kepada aspek menjaga tanggungjawab dalam asas agama dan dalam hubungan suami isteri. Selain itu, pelaksanaan kaedah memukul mestilah memenuhi syarat-syarat dan kaedah tertentu. Sebagai contoh, disyaratkan pukulan kepada isteri dengan keyakinan oleh suami bahawa pukulan tersebut boleh merubah sikap isteri (Qarwt 1995). Kaedah pukulan pula sebagai contoh adalah tiga kaedah bagi seorang bapa memukul anak. Kaedah tersebut adalah, 1) hendaklah dipastikan pukulan tersebut di beberapa tempat anggota badan dan tidak tertumpu, 2) pukulan hendaklah tidak berterusan di mana, hendaklah dipastikan bahawa terdapat sela masa dari pukulan pertama dan pukulan kedua kerana ditakuti akan menyakitkan anak dan 3) tangan yang memukul tidak boleh diangkat tinggi sehingga mendedahkan ketiak bapa yang memukul kerana ditakuti akan menyakitkan anak yang dipukul (Muhammad al-Anbabi, 1895).

Keadaan ini dibezakan dengan kaedah memukul, yang termasuk dalam hukuman bagi pesalah jenayah. Dalam skop kaedah memukul dan merotan ini, hukuman berbentuk sebatan adalah hukuman yang hampir untuk dirujuk. Dalam melaksanakan hukuman sebat, seorang pelaksana adalah terbatas kepada

beberapa limitasi (‘Ali al-Duhan 2004)<sup>5</sup>. Sebagai contoh, tidak dibenarkan untuk menyebati di bahagian kepala dan di bahagian muka (Naif al-Syuhud 2009). Disepakati oleh para fuqaha’ juga, bahawa hukuman sebatan bagi pesalah jenayah hudud mestilah menggunakan cemeti/rotan yang sederhana dari sudut buatan atau materialnya sama ada keras atau lembut, serta pukulan pula sederhana antara kuat dan tidak menyakitkan (Naif al-Syuhud 2009). Hukuman sebat yang dilakukan pula adalah disifatkan untuk menegah (al-zajru) dan mengelak pengulangan (al-rad’u) (‘Ali al-Duhan 2004). Dapat diulas dari sudut fiqh ini adalah hukuman sebat yang dijalankan dalam hukuman jenayah sebagai satu bentuk hukuman (‘uqubah). Bagi kesalahan hudud ini, tidak dapat dipastikan bahawa hukuman yang dijalankan adalah bersifat pendidikan atau diambilkira sebagai satu mekanisme pendidikan. Ini kerana, terdapat kes di mana pesalah yang disebati kerana kesalahan hudud, seperti kesalahan zina yang dihukum dengan hukuman sebatan 100 kali, meninggal dunia kerana hukuman tersebut. Ini menunjukkan, pendidikan dalam hukuman sebatan terhadap hudud tidak semestinya boleh dikaitkan dengan mekanisme pendidikan. Bagaimanapun, ia mungkin berbeza bagi hukuman sebatan bagi kesalahan ta’zir kerana sifatnya hukuman yang diserahkan kepada budi bicara hakim/pemimpin. Justeru, hukuman sebatan bagi kesalahan ta’zir masih boleh dianggap sebagai sebahagian mekanisme pendidikan kepada pesalah. Hal ini juga terbuka kepada analisa lanjut kerana, pesalah bagi kesalahan ta’zir juga boleh dikenakan hukuman mati (‘Audah 1998).

Analisa daripada peraturan-peraturan yang dikeluarkan oleh KPM pula menunjukkan bahawa kaedah merotan adalah satu bentuk hukuman, iaitu hukuman dera. Walau bagaimanapun, hukuman ini dideskripsikan sebagai hukuman bagi tujuan pendidikan. Menurut SPI 7/2003, kesalahan berat yang dilakukan oleh seorang pelajar boleh mengakibatkan hukuman rotan kepadanya. Namun, kesalahan berat (KB) tersebut adalah pelbagai iaitu merangkumi (rujuk Senarai Kesalahan Besar dalam SPI 7/2003),

1. Kesalahan berkaitan bahan haram, iaitu dadah (KB1), bahan tembakau (KB3), minuman keras (KB4); senjata/ alat merbahaya (KB9, KB26), bahan media terlarang/lucah (KB13, KB23), bahan letupan (KB22).
2. Kesalahan berkaitan kegiatan tidak bermoral/haram, iaitu perjudian (K12), pencetakan dan penerbitan bahan/rencana terlarang (KB13, KB20, KB27, KB32), kumpulan haram (KB14), zina, liwat dan hubungan luar tabii (KB16), melacur (KB17, KB18) dan hubungan yang dicurigai (KB34)
3. Kesalahan terhadap tubuh badan/maruah atau percubaan (KB5, KB6, KB8, KB9, KB10, K15, K19)
4. Kesalahan berkaitan adab/ kesusilaan (KB7, KB27, KB33)
5. Kesalahan harta benda (KB11, KB21)
6. Kesalahan berkaitan prosedur sekolah (KB28, KB30, KB31)
7. Kesalahan berulang (KB1, KB29)

Kesalahan-kesalahan ini adalah yang Kesalahan-kesalahan ini adalah yang termasuk dalam kesalahan yang mempunyai liabiliti jenayah dan moral, serta kesalahan yang mempunyai liabiliti moral sahaja<sup>6</sup>. Jika dilihat dalam konteks kesalahan berkaitan bahan haram, pelajar yang terlibat dalam dengan kesalahan ini boleh juga didakwa di Mahkamah Kanak-Kanak menurut Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611). Ini diperuntukkan dalam s. 11(5) Akta 611, berkenaan bidangkuasa mahkamah terhadap kesalahan-kesalahan demikian. Namun, Akta ini hanya terpakai kepada ‘kanak-kanak’ yang berumur 18 tahun dan ke bawah, dan jika berkenaan prosiding jenayah, bagi kanak-kanak berumur lebih daripada 10 tahun (s. 2 Akta 611, s. 82 Kanun Keseksan Akta 574). Bagaimanapun, liabiliti jenayah tersebut tertakluk kepada s. 83 Akta 574, iaitu berkenaan kematangan yang munasabah.

<sup>5</sup> Penulis menyebutkan bahawa tidak terdapat definisi khusus diberikan dalam fiqh klasik berkenaan al-jald (sebatan). Namun, penulis telah mendefinisikannya sebagai “memperlakukan kesakitan kepada pesalah dengan menggunakan cemeti dan sebagainya, dengan kaedah-kaedah yang spesifik”

<sup>6</sup> Kesalahan yang mempunyai liabiliti jenayah merujuk kepada kesalahan yang diperuntukkan sebagai jenayah menurut perspektif undang-undang. Contohnya, Kanun Keseksan.



Dari sudut fiqh berkaitan jenayah dalam Islam, kesalahan-kesalahan ini boleh termasuk dalam kategori jenayah hudud, qisas dan ta'zir. Sebagai contoh, maksud literal yang didapati dari SPI 7/2003 berkaitan kesalahan berzina, ia adalah termasuk dalam jenayah hudud, kesalahan mencederakan adalah termasuk dalam qisas manakala lain-lain kesalahan secara umumnya adalah termasuk dalam kesalahan ta'zir. Namun begitu, liabiliti jenayah bagi seorang pelajar dalam konteks ini perlulah memenuhi syarat keahlian (ahliyyah) seperti berakal dan baligh dalam konteks boleh memahami bahawa perbuatan mereka adalah jenayah dan mempunyai implikasi tertentu. Di sini, agak sukar untuk disabitkan bahawa hukuman rotan yang dicadangkan oleh KPM adalah bersifat sebagai hukuman. Ini kerana, kebanyakan pelajar umumnya berumur di bawah 18 tahun, dan bagi prosiding jenayah pula, memerlukan kepada prosedur perundangan iaitu prosedur yang sama sebagaimana yang dijalankan oleh Mahkamah Bagi Kanak-Kanak di Malaysia sebagaimana yang diperuntukkan dalam s 11(6) Akta 611.

Justeru, dapat diulas di sini bahawa hukuman rotan yang dikenakan oleh pihak sekolah menurut SPI 7/2003 adalah dalam kapasiti mekanisme pendidikan semata-mata, dan bukan hukuman sebagaimana yang diperuntukkan dalam undang-undang. Oleh itu, pelaksanaan hukuman rotan perlu mengambil kira aspek pendidikan, tarbiyyah dan tadarruj, sebelum hukuman rotan boleh dilaksanakan. Nas dan ulasan fiqh berkenaan pendidikan dalam hukuman rotan kepada pelajar perlu diambil kira. Disebabkan kaedah pelaksanaan hukuman rotan masih kurang, maka perlu diadakan peraturan yang terperinci bagi mengatur pelaksanaan hukuman rotan. Perkara ini penting bagi menjamin objektif hukuman rotan dicapai, iaitu objektif pendidikan, yang perlu dibezakan dengan objektif 'hukuman' semata-mata. Dalam sebuah kajian, telah direkodkan bahawa terdapat kegagalan dalam pencapaian objektif hukuman dera kepada pelajar, antara lain, kerana pelajar yang telah dirotan tidak diberi penjelasan atau nasihat lanjutan bagi membantu mereka untuk terus merubah menjadi lebih baik, justeru, mencapai objektif pendidikan dalam hukuman rotan (Gudyanga, Mbengo, & Wadesango 2014).

Dalam aspek aplikasi sunnah pula, kajian ini mendapati bahawa hukuman rotan kurang menepati sunnah Rasulullah saw. Ini kerana, kajian ini mendapati bahawa hukuman rotan yang dijalankan di sekolah perlulah dikira sebagai mekanisme pendidikan, dan bukan hukuman. Walaupun SPI 7/2003 menjelaskan kedudukan hukuman rotan sebagai hukuman, dalam skop mekanisme pendidikan, namun, hukuman merotan/memukul dalam pendidikan dari nas-nas yang telah dikemukakan menunjukkan bahawa hukuman memukul/merotan tersebut hanya berlaku dalam ruang lingkup untuk menjaga tanggungjawab kepada asas agama (dalam konteks pendidikan ibubapa kepada anak). Dalam konteks pendidikan suami ke atas isteri, didapati kaedah memukul bukanlah dalam ruang lingkup hukuman tetapi pendidikan semata-mata kerana wujudnya ruang yang besar untuk suami membaiki hubungan suami-isteri selepas keadah memukul dilaksanakan. Keadaan ini tidak dapat dipastikan dalam konteks hukuman rotan di sekolah. Ini dikuatkan juga dengan dapatan kajian Gudyanga et al. (2014). Kajian ini juga mendapati bahawa kaedah pelaksanaan hukuman rotan kepada pelajar, dalam SPI 7/2003 tidak menggariskan had umur tertentu. Ini bermakna, jika pelajar melakukan kesalahan berat ketika berumur kurang 10 tahun, mereka juga akan dirotan. Ini berbeza dengan nas berkenaan hukum memukul anak, yang dihadkan kepada umur 10 tahun. Dapatan kajian ini juga mendapati bahawa hukuman rotan adalah kurang tepat dengan sunnah Rasulullah saw kerana tidak terdapat nas yang menunjukkan bahawa Rasulullah saw pernah memukul anaknya, mahupun isterinya. Bahkan berkenaan pensyariatian pukul kepada isteri oleh suami dalam Surah al-Nisa': 34, terdapat hadis yang menjelaskan bahawa Rasulullah saw mengiktiraf bahawa sebaik-sebaik suami adalah yang tidak memukul isterinya.

Namun begitu, dari perspektif yang berlainan, kedapatan hadis berkenaan hukuman memukul kepada anak sebagai satu mekanisme pendidikan menyokong bahawa hukuman rotan adalah selari dengan hadis Rasulullah saw, walaupun bukan sunnah Rasulullah saw. Kedapatan keterangan dari SPI 7/2003 berkenaan tujuan pendidikan dari hukuman rotan dan aplikasi hukuman rotan hanya apabila telah dijalankan kaedah-kaedah penyelesaian yang lain, iaitu nasihat, amaran, kaunseling dan lain-lain, menyebabkan secara teorinya, hukuman rotan adalah diiktiraf. Namun, sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, perlu dijelaskan kaedah pelaksanaan hukuman rotan kepada pelajar dengan lebih terperinci kerana ini dapat memastikan pencapaian objektif pendidikan dapat dicapai, berbanding 'hukuman' semata-mata. Jika perkara ini ditambahbaik, maka pelaksanaan hukuman rotan kepada pelajar adalah lebih tepat dengan maksud nas/hadis. Ini boleh dilakukan dengan mengadakan pelan yang lebih jelas

yang direkodkan, dinilai dan diperakui oleh pihak sekolah atau KPM terhadap pengendalian pelajar-pelajar yang mempunyai masalah disiplin, bermula dari nasihat kepada pelajar, perbincangan dengan ibubapa, perundingan dengan kaunselor di sekolah, penjarakan pelajar dari kumpulan pelajar ‘bermasalah’, pemerhatian pada perubahan sikap pelajar hasil dari mekanisme-mekanisme yang telah diambil sehingga kepada hukuman rotan serta ‘post-mortem’/ penilaian pra dan pasca hukuman rotan dijalankan.

## **KESIMPULAN**

Berdasarkan perbincangan hadis dan ayat al-quran yang disertakan bersama tafsiran, polemik hukuman rotan dalam kalangan masyarakat di Malaysia serta di peringkat antarabangsa dapat diperjelaskan. Tambahan pula, objektif hukuman serta pelaksanaan rotan yang digariskan oleh KPM adalah sebagai satu pendekatan pendidikan dalam mengawal dan memulih masalah disiplin pelajar. Walau bagaimanapun, garis panduan sedia ada perlu sentiasa dikemaskini dari sudut intervensi awal sebelum pelaksanaan rotan terhadap pelajar dijalankan. Ini bagi memastikan objektif tarbiyah atau pendidikan berasaskan prinsip syariah yang bersumberkan hadis dan sunnah Rasulullah SAW ini dapat dicapai.

## RUJUKAN

Abu Da'ud, Sulayman ibn al-Ash'ath al-Sijistani. 2000. Sahih Sunan Abi Daud. Riyadh: Bayt al-Afkar al-Dawliyyah li al-Nashr wa al-Tauzi'.

`Ali al-Duhan, M. A. R. (2004). Maqasid al-Syariah al-Islamiyyah min `uqubah al-Jald Muqabalah bi al-Mawathiq al-Dauliyah wa al-Qawanin al-Wada'iyyah. Jami`ah Naif al-`Arabiyyah li `Ulum al-Amaniyyah.

Al-Zahedy, I. A. J. (2014). al-Wasail al-Quraniyyah fi `Ilaj Nusyuz al-Zawjain wa Aqwal al-Fuqaha' fi ha. Majallah Kuliyyah Al-`Ulum Al-Islamiyyah, 2(15). Retrieved from [https://coism.mosuljournals.com/article\\_82240\\_2c1ee3545b535c7d249f1ab5ff7bf9a7.pdf](https://coism.mosuljournals.com/article_82240_2c1ee3545b535c7d249f1ab5ff7bf9a7.pdf)

al-Bukhari, Abu Abdullah Muhammad bin Ismail bin Ibrahim bin al-Mughirah al-Jacfi. 2002. Sahih al-Bukhari. Beirut: Dar Ibn Kathir.

al-Shami, Salih Ahmad. 2010. Zawa'id al-Sunan al-Kubra li al-Baihaqi 'ala al-Kutub al-Sittah. Jil. 3. Beirut: al-Maktab al-Islami.

Gudyanga, E., Mbengo, F., & Wadesango, N. (2014). Corporal punishment in schools: Issues and challenges. Mediterranean Journal of Social Sciences, 5(9), 493–500. <https://doi.org/10.5901/mjss.2014.v5n9p493>

Ibn Kathir, A. F. I. al-D. (2012). Lubabah al-Tafsir min Ibni Kathir (Terjemahan) (Abdul Ghoffar E.M. & `Abdullah `Abdurrahman, Eds.). Pustaka Imam Asy-Syafi'i.

Kementerian Pelajaran Malaysia. (1972). Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/1972: Peraturan-Peraturan (Tatatertib Sekolah) Pelajaran, 1959. Kuala Lumpur.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (1995). Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/1995: Tatacara Mengenakan Tindakan dan Hukuman Terhadap Pelajar-Pelajar Sekolah. Kuala Lumpur.

Laporan Hak Asasi Manusia 2010: Malaysia, Biro Demokrasi, Hak Asasi Manusia, dan Buruh, Laporan Amalan Hak Asasi Manusia Negara Malaysia 2010. 8 April 2011. [http://photos.state.gov/libraries/bahasa/99931/bm/hrrpt2010\\_bm.pdf](http://photos.state.gov/libraries/bahasa/99931/bm/hrrpt2010_bm.pdf) [26 September 2012].

Maklum Balas daripada Kementerian dan Agensi Kerajaan Terhadap Laporan Tahunan SUHAKAM

2009.[http://www.suhakam.org.my/c/document\\_library/get\\_file?p\\_1\\_id=24205&folderId=39678&name=DLFE-8502.pdf](http://www.suhakam.org.my/c/document_library/get_file?p_1_id=24205&folderId=39678&name=DLFE-8502.pdf) [8 Julai 2012]. Mohd Azrone Sarabatin, Mohd Nasaruddin Parzi & Fahmy Azril Rosli. (15 November 2017). Hukuman Rotan Kekal Dasar Kementerian Pendidikan. Diperoleh pada 24 Disember 2020 dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/11/3509>

Muhammad al-Anbabyi, S. al-D. M. (1895). Risalah fi Riyadah al-Sibyan wa Ta'limihim wa Ta'dibihim. Beirut, Lubnan: Dar al-Basyair al-Islami.

Muslihah Mazlan, Mohd Azam Yahya, & Fatimah Nadirah Mohd Noo. Fardhu 'Ain Sebagai Kerangka Pembentukan Disiplin Pelajar Di Institusi Pendidikan Islam. Jurnal Ulwan 59 Jilid 1 2016: 59-73. 2016.

Naif al-Syuhud, `Ali. (2009). al-Asalib al-Syar'iyyah fi Ta'dib al-Atfal. Retrieved from <https://www.noor-book.com/للطفالالتاديبفيالشرعيةاساليب->pdf

Noor Mohamad Shakil Hameed. (4 Oktober 2017). Rasional di Sebalik Rotan Pelajar. Diperoleh pada 23Disember2020dari<http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/58776/1/Rasional%20di%20sebalik%20rotan%20pelajar.pdf>

Nur ‘Izzati Ahmad Fisol, Mohd Al Adib Samuri. Perundangan Berkaitan Pendisiplinan Pelajar Sekolah Tahfiz di Malaysia. BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences e-ISSN: 2600-9080. Volume 3, Issue 1, 2020: 054-071.

Qarwt, A. H. (1995). Mawqifu al-Islam fi Nusyuz al-Zawjain wa Ahadihima wa Ma Yattabi`u min al-Ahkam: Dirasah Muqaranah. Retrieved from <https://www.noorbook.com/en/ebook-المقارنة دراسة:الحكام-ممن ينبع وم واحدتهما نشوز الزوجين في السالم موقف>

Siti Amalina Ahmad Khairundin, Shahidra Abdul Khalil & Mumtazah Narowi (2019). Kearifan Tempatan Dalam Pendidikan Kanak-Kanak: Sorotan Terhadap Garis Panduan hukuman Rotan Di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Jurnal Fiqh. 16(1), 83-104.

Siti Amalina Ahmad Khairundin & Wan Yusnee Abdullah. (2017). Sebatan: Warisan Pendidikan Islam. Kertas Kerja dibentangkan di National Pre University Seminar 2017 (NpreUS2017). <http://conference.kuis.edu.my/npreus/2017/document/20Siti%20Amalina%20Ahmad%20Khairundin.pdf>

Siti Atiyah Ali, Samhani Ismail, Nurfaizatul Aisyah, Abdul Rahman Omar. Psikologi Pembangunan Kanak-Kanak: Perkaitan Antara Psikologi Pendidikan Barat Dan Psikologi Pendidikan Islam. Journal of Islamic Educational Research (JIER), e-ISSN: 0128-2069, Volume 4, Issue 1, June 2019 14.

Siti Nordiana Rifai. (2017). Persepsi Ibu Bapa Tentang Hukuman Rotan Terhadap Pelajar yang Melanggar Disiplin Sekolah (Disertasi Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi). Diperoleh dari <http://myto.upm.edu.my/find/Record/ukmvital98199/Description#tabnav>

United Nations Convention on the Rights of the Children (UNCRC). A summary of the United Nations Convention on the Rights of the Children. t.th. [www.unicef.org.uk/Documents/Publication-pdfs/crcsummary.pdf](http://www.unicef.org.uk/Documents/Publication-pdfs/crcsummary.pdf) [18 Julai 2012].

‘Ulwan, ‘Abdullah Nasih. 1992. Tarbiyat al-Awlad fi al-Islam. Jil. 2. Kaherah: Dar al-Salam li al-Taba’ah wa al-Nashr wa al-Tauzi